



PERLINDUNGAN PERUBATAN VS PERLINDUNGAN PENYAKIT KRITIKAL

Soalan yang sering pengguna tanyakan kepada Perunding Takaful mengenai plan Takaful ialah “Adakah saya akan mendapat kad perubatan melalui plan ini?”. Tidak dinafikan, perlindungan perubatan dan penghospitalan merupakan perlindungan pertama di minda apabila seseorang memilih untuk menyertai plan Takaful. Ramai percaya bahawa kad perubatan merupakan penyelesaian kesihatan muktamad yang akan menghapuskan kebimbangan kewangan anda sekiranya anda atau orang tersayang jatuh sakit.

Tetapi bagaimanakah sekiranya anda didiagnos dengan salah satu daripada penyakit kritikal? Adakah plan perubatan anda akan menanggung perbelanjaan dan kos perubatan untuk penyakit kritikal yang anda hidapi? Ketahui lebih lanjut perbezaan antara perlindungan perubatan dan perlindungan penyakit kritikal yang berikut:





1

APAKAH YANG DITAWARKAN OLEH PELAN TERSEBUT?

Perlindungan Perubatan

Perlindungan Penyakit Kritikal

Manfaat

Hanya menanggung perbelanjaan perubatan dan pembedahan yang dilakukan semasa kemasukan ke hospital anda (termasuk rawatan sebelum dan selepas penghospitalan).

Melengkapi pelan perubatan anda. Membayar anda jumlah pembayaran sekali gus sekiranya anda didiagnos dengan salah satu daripada penyakit kritikal yang disenaraikan. (Bilangan penyakit kritikal berbeza mengikut pelan.

Mod pembayaran

Pembayaran dibuat terus ke panel hospital, bukan kepada pemilik sijil. Dalam sesetengah kes, ia mungkin merupakan pembayaran balik yang mana anda membuat pembayaran terlebih dahulu dan membuat tuntutan kemudian.

Anda mempunyai fleksibiliti untuk menggunakan pembayaran untuk rawatan perubatan / peralatan, perubatan alternatif atau untuk membantu ahli keluarga anda secara kewangan ketika proses pemulihan anda kerana pembayaran tersebut dibuat terus kepada anda.

Tempoh menunggu

Tempoh menunggu adalah 30 hari bagi tuntutan biasa dan 120 hari bagi tuntutan penyakit tertentu.


Tempoh menunggu adalah 30, 60 atau sehingga 120 hari bergantung kepada penyakit yang didiagnos.

Tempoh hidup

Tiada tempoh hidup.

Orang Yang Dilindungi hendaklah hidup sekurang-kurangnya 7 hari sehingga 30 hari (bilangan hari berbeza mengikut pelan) selepas didiagnos dengan penyakit kritikal.





2

BERAPAKAH PERLINDUNGAN YANG ANDA PERLUKAN?

Perlindungan Perubatan

Perlindungan yang dipilih bergantung kepada kemampuan anda untuk membayar caruman. Caruman (termasuk semua perlindungan Takaful) tidak sepatutnya melebihi 10% daripada gaji bulanan anda.

Jumlah caruman bergantung kepada pakej Bilik dan Penginapan Hospital yang dipilih; selain daripada umur, jantina dan kelas pekerjaan Orang Yang Dilindungi. Kebanyakan Pengendali Takaful menawarkan pelan Bilik dan Penginapan Hospital RM150, RM200, RM250 dan lebih.

Perlindungan Penyakit Kritikal

Jumlah Perlindungan = 3x gaji tahunan anda. Pesakit yang menghidap penyakit kritikal memerlukan sekurang-kurangnya 3 tahun untuk pulih sepenuhnya. Oleh itu, 3x gaji tahunan diperlukan untuk mengganti kehilangan sumber pendapatan.

Jumlah caruman bergantung kepada Jumlah Perlindungan yang dipilih, umur, jantina dan status perokok Orang Yang Dilindungi. Caruman mungkin meningkat berdasarkan umur yang dicapai.





3

APAKAH YANG ANDA PERLU PERTIMBANGKAN SEBELUM MENYERTAI KEDUA-DUA PELAN?

Sekarang anda telah mendapat maklumat tentang perbezaan pelan, pertimbangkan manfaat ini sebelum anda masuk:

Perlindungan Perubatan

Tempoh perlindungan: Kenal pasti tempoh perlindungan pelan anda. Sesetengah pelan menawarkan perlindungan sehingga umur 100 tahun.

Elaun harian hospital: Sesetengah pelan menawarkan sehingga RM200 elaun tunai di hospital kerajaan Malaysia.

Had keseluruhan tahunan: Semak had keseluruhan tahunan pelan tersebut jika ianya mencukupi untuk anda. Lebih tinggi had keseluruhan tahunan, lebih baik. Sesetengah pelan bahkan menawarkan pelan tanpa had sepanjang hayat.

Deduktibel: Sesetengah pelan menawarkan deduktibel sehingga RM300 bagi setiap ketidakupayaan. Anda hanya perlu membayar amaun deduktibel dan selebihnya akan ditanggung.

Perlindungan Penyakit Kritikal

Bilangan penyakit kritikal yang dilindungi: Berbeza mengikut pelan yang menawarkan 36 sehingga 45 penyakit kritikal. Sesetengah pelan bahkan menawarkan hanya 10 penyakit kritikal utama bagi menampung kemampuan anda.

Pembayaran: Kebanyakan pelan perlindungan penyakit kritikal menawarkan pembayaran sekali gus kecuali sekiranya Orang Yang Dilindungi didiagnos dengan penyakit kritikal yang memerlukan mereka menjalani Angioplasti atau rawatan invasif lain bagi Penyakit Koronari Arteri, yang mana pembayaran tertakluk pada RM25,000 maksimum atau 10% daripada jumlah pembayaran.

Ko-Takaful: Selain daripada ciri deduktibel, beberapa pelan juga menawarkan Ko-Takaful, yang mana anda perlu membayar sebanyak RM3,000 maksimum bagi setiap kemasukan atau 10% daripada jumlah bil.



Kesimpulannya, perlindungan penyakit kritikal sama pentingnya dengan perlindungan perubatan. Jika anda fikir pelan perubatan yang disediakan oleh majikan anda sudah cukup untuk melindungi anda, fikir semula. Perlindungan penyakit kritikal adalah penting bagi melengkapkan perlindungan perubatan sedia ada anda, kerana ia akan digunakan untuk menampung perbelanjaan yang pelan perubatan anda tidak tanggung.

Berikut adalah beberapa senario bagaimana untuk memastikan perlindungan kesihatan anda mencukupi:

SENARIO A



SEKTOR SWASTA

PELAN PERLINDUNGAN
PERUBATAN

KELUARGA

SENARIO B



KAKITANGAN
KERAJAAN

MENINGKAT
TUA

PELAN PERLINDUNGAN
PENYAKIT KRITIKAL

Sekiranya anda bekerja dalam sektor swasta, besar kemungkinan anda tidak dilindungi dari segi penjagaan kesihatan setelah anda bersara, melainkan anda telah menyertai pelan perlindungan perubatan dari awal lagi. Bayangkan jika anda didiagnos dengan penyakit kritikal selepas persaraan anda. Anda akan menerima pembayaran yang akan membantu kelangsungan hidup ahli keluarga anda semasa proses pemulihan anda. Ahli keluarga anda tidak akan dibebani dengan kos rawatan dan perubatan yang tinggi.

Sekiranya anda kakitangan kerajaan, pelan penyakit kritikal akan menjadi perlindungan tambahan kepada pelan perubatan sedia ada anda yang ditawarkan oleh kerajaan selepas anda bersara. Tambahan pula, orang yang lebih berusia lebih berisiko untuk mendapat penyakit kritikal, jadi adalah sangat penting untuk anda mendapatkan pelan perlindungan penyakit kritikal bagi menyelamatkan anda daripada bebanan kewangan di kemudian hari.



Selain daripada itu, pelan penyakit kritikal juga boleh dijadikan sebagai pengganti sumber pendapatan bagi menampung perbelanjaan untuk kelangsungan hidup ahli keluarga anda semasa proses pemulihan sekiranya anda didiagnos dengan penyakit kritikal. Pembayaran yang anda terima juga boleh membantu untuk membayar kos rawatan alternative, rawatan susulan seperti kemoterapi, dialysis dan ubat-ubatan selain daripada peralatan dan bantuan perubatan seperti kerusi roda, katil khas dan penjagaan jururawat peribadi di rumah.

Di **Great Eastern Takaful**, kami menawarkan pelan perubatan dan pelan penyakit kritikal yang saling melengkapi sebagai penyelesaian perlindungan kesihatan yang komprehensif untuk anda. Dengan manfaat dan ciri-ciri unik yang tersendiri termasuk caruman yang berpatutan, pelan kesihatan ini menjadi penyelesaian perlindungan kesihatan terbaik untuk anda dan yang tersayang.

